



15 SEP, 2024

Kastam rampas 10 kenderaan mewah bernilai lebih RM8.12j

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam rampas 10 kenderaan mewah bernilai lebih RM8.12j

Kenderaan pelbagai jenama itu disyaki langgar Akta Kastam 1967

Oleh Jessica Jawing

KUCHING: Sebanyak 10 kenderaan mewah pelbagai jenama dianggarkan bernilai lebih RM8.12 juta dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak dalam operasi khas di sebuah premis di sini, baru-baru ini.

Pengarah Kastam Negeri Norizan Yahya berkata, sepasukan Unit Operasi Darat Kuching membuat pemeriksaan rapi ke atas kenderaan yang terletak di dalam sebuah premis di Kuching.

“Hasil pemeriksaan rapi terhadap kenderaan di premis berkenaan membawa kepada penemuan 10 kenderaan mewah pelbagai jenama disyaki melanggar syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen 75(b) Akta Kastam 1967.

“Jumlah keseluruhan nilai kenderaan yang disita termasuk duti dan cukai adalah sebanyak RM8,129,825,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Beliau berkata, modus operandi syarikat ialah memin-dahkan kenderaan import berduti yang belum dibayar cukai tanpa kelulusan kastam dan menyimpannya di dalam premis atau gudang yang tidak dilesenkan di bawah Seksyen 65 Akta Kastam 1967 (Gudang Berlesen).

Katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 138 Akta



RAMPAS: Antara kereta mewah pelbagai jenama yang dirampas selepas pemeriksaan JKDM di sebuah premis di Kuching, baru-baru ini.

“Hasil pemeriksaan rapi terhadap kenderaan di premis berkenaan membawa kepada penemuan 10 kenderaan mewah pelbagai jenama disyaki melanggar syarat yang diperuntukkan di bawah Seksyen 75(b) Akta Kastam 1967.”

Norizan Yahya
Penguarah Kastam Negeri

Kastam 1967 di baca bersama Seksyen 75(b) Akta Kastam 1967 yang mana jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

“JKDM Sarawak juga secara aktif menjalankan operasi bagi memerangi aktiviti penyeludupan dan penjualan rokok serta minuman keras yang tak berkastam.

“Sepanjang bulan Julai 2024 dan Ogos 2024, JKDM Sarawak telah berjaya mematahkan aktiviti penyeludupan dan penjualan rokok tak berkastam pelbagai jenama sebanyak 2,429,728 batang rokok dengan anggaran nilai termasuk duti dan cukai adalah sebanyak RM2,111,602.87,” tegasnya.

Manakala bagi aktiviti penyeludupan dan penjualan

minuman keras tak berkastam termasuk bir, anggaran nilai termasuk duti dan cukai terlibat adalah sebanyak RM920,292.57, jelasnya.

Sehubungan itu katanya, orang ramai digesa membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut.

“JKDM juga menyeru kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri.

“Pihak JKDM memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklumat adalah dirahsiakan,” ujarnya.



15 SEP, 2024

Kastam rampas 10 kenderaan mewah bernilai lebih RM8.12j

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



SUMMARIES

Kenderaan pelbagai jenama tudis melanggar Akta Kastam 1967

KUCHING: Sebanyak 10 kenderaan mewah pelbagai jenama dianggarkan bernilai lebih RMS.